



Press Statement, For Immediate Release  
12 October 2021

## **MALAYSIAN MOTHERS DESPAIR OVER HOME MINISTER'S STATEMENT**

On 11 October 2021, the Minister of Home Affairs YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin spoke on the challenges and obstacles around citizenship during an RTM TV1 episode of *'Inklusif*. Malaysian mothers impacted by gender-unequal citizenship laws are disappointed by the lack of understanding displayed by the Home Minister's statements during the interview.

### **“JUST COME BACK TO MALAYSIA TO GIVE BIRTH”**

The Home Minister stated that if Malaysian mothers really want their children to have Malaysian citizenship, then they should just give birth in Malaysia.

This statement ignores the realities that pregnant Malaysian mothers go through overseas. There are many reasons why Malaysian women give birth overseas. Many in Family Frontiers' network of Malaysian mothers have medical reasons that prevent them from travelling, including risky pregnancies, fear of miscarriage and other health-related issues. For them, it is a matter of life and death:

*“I tried my best to come back to Malaysia to give birth to my child, but due to pregnancy complications I was not allowed to fly back by two doctors. In my desperation to fly home, I was scheduled to see another doctor for a third opinion. On that morning, my baby was born premature and was placed in the ICU for many weeks. Women should not be told to put our lives and our babies lives at risk just to board planes and fly back to Malaysia to give birth. Our pregnancies should not be trivialised. The Home Minister must do the right thing and stop fighting Malaysian mothers,”* said Kavita, a Malaysian mother seeking citizenship for her daughter.

During the COVID-19 pandemic, some had to give birth overseas due to the travel restrictions that were in place and the risk of contracting the virus: *“How was I meant to come home to have my baby during the pandemic? I would have been separated from my husband for years if I had made that choice,”* said one mother. Some would also have to separate from their older children who are non-citizens because they were also born overseas.

Many women also have employment commitments directly tied to their duty to serve Malaysia: *“I worked for a Malaysian government-linked company in San Francisco between 2013 and 2018 when I had my child there. I had a high risk pregnancy and was advised not to travel in my 3rd trimester, so I had my child there. I feel betrayed by the Home Minister's comments—I served my country at the time of my child's birth yet my child is not a citizen and I don't know what the future holds for her now that we are back in Malaysia,”* said Gaithiri, another Malaysian mother seeking citizenship for her daughter.

### **“CITIZENSHIP CANNOT BE EASILY GIVEN TO JUST ANYBODY”**

Dato' Seri Hamzah also emphasised that Malaysian citizenship is the highest award from the country, and therefore cannot be easily given to “just anybody”. Another Malaysian mother in Family Frontiers' network said she was hurt by the statement: *“They are not just anybody, they are our children. They have Malaysian heritage and blood. Why punish my innocent children?”* she asked.

The Minister's statement also failed to explain why Malaysian fathers can automatically pass on citizenship to their children born overseas, while Malaysian mothers cannot.

## THE DUAL CITIZENSHIP ARGUMENT

Dato' Seri Hamzah reiterated that dual citizenship was a reason Malaysian women are not given the right to confer citizenship to their children by operation of law. Family Frontiers emphasises once again that the dual citizenship argument is not applied to Malaysian men when their children are born abroad. As such, the dual citizenship argument must not be used as an excuse to perpetuate discrimination against women.

Children born overseas to Malaysian women are left with no choice but to obtain the foreign father's citizenship. An Emergency Travel Certificate (*Surat Perakuan Cemas*) is also not a readily-available option for these children to immediately return to Malaysia (without relying on a foreign passport).

In such situations, mothers have no choice but to allow the child to take on their father's citizenship. Once that happens, it is held against the child when applying for Malaysian citizenship. If the child does not take on the father's citizenship, the child risks being stateless in a foreign country.

This is a decision Malaysian men will never have to make; on the other hand, Malaysian women in such situations are caught between the proverbial rock and a hard place. The Home Minister cannot fault Malaysian women and subsequently punish their children if the path to ensure Malaysian citizenship for their children is littered with state-imposed bureaucratic obstacles.

## CONTEMPT OF COURT DUE TO CONFLICTING HIGH COURT DECISIONS

Citing "contempt of court", the Home Minister highlighted the allegedly "conflicting" judgment for *Mahisha Suhaila Abdul Majeed v National Registration Department (NRD) Director*. To clarify, this case does not deal with reconciling Article 8(2) and the Second Schedule, Part II of the Constitution as seen in *Suriani Kempe & Others v Kerajaan Malaysia & Others*. As such, the government did not raise this argument in their submissions before the High Court during the proceedings for *Suriani Kempe & Others v Kerajaan Malaysia & Others*.

Even if the judgement for the *Mahisha* case is seen to be in conflict with the decision for *Suriani Kempe & Others*, Lawyers for Liberty, in their statement dated 23 September 2021, correctly pointed out that, "...it does not in any way prevent the government from following the most recent High Court ruling on the matter. The government could simply just concede to the appeal during the hearing at the Court of Appeal in November. The issue of contempt of court therefore does not arise."

The High Court decision is already in line with the proposed Constitutional amendment and has the force of law. The Government should implement the decision without appealing, as it did in the Undi18 case.

## UPHOLDING THE CONSTITUTION

The Home Minister justified his position in appealing the High Court decision by asserting that he was sworn to uphold the Constitution. Family Frontiers maintains that to truly uphold the Constitution, we must treat the Constitution not as a document of bare rules and regulations that is locked in a time warp, but one that reflects the lived realities of Malaysians in the 21st century. In truth, it is only women and their children who are hurt by the citizenship provisions in the Constitution as they are currently interpreted and applied. When read literally, the existing interpretation blatantly disregards women's constitutional right to gender equality and paralyses Article 8(2)'s guarantee of non-discrimination based on gender.

The case of *Suriani Kempe & Others* sought for the Constitution—specifically Article 14(1)(b) together with Section 1(b) of Part II of the Second Schedule—to be read harmoniously with Article 8(2) of the Federal Constitution. As emphasised by Professor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, "." This approach is especially relevant in this case, as it is a matter of upholding justice.

## THE QUESTION OF LOYALTY

The Home Minister said that of paramount consideration is the issue of loyalty: “If we are loyal to the country, of course we would want the citizenship of our own country,” he added.

The Malaysian Government has a duty to uphold the rights of its citizens. The women affected by the discriminatory interpretation and application of existing citizenship laws are regular Malaysian citizens who want what is best for their children. Their loyalty and attachment to Malaysia are demonstrated by the act of submitting applications for their children’s Malaysian citizenship, and by returning to their motherland.

Upon listening to the Home Minister’s statement of 11 October, a Malaysian mother said she was shattered: *“Please do not question the loyalties of women who have given birth to our children abroad—we are not any less patriotic to our country. We want this so badly so we can contribute towards our motherland, not take away from her. Our loyalty to Malaysia is unwavering,”* said Rekha Sen, an impacted Malaysian mother.

## CALL TO ACTION

It is high time the Government acknowledged the reality of our times and the fact that there is gross discrimination against Malaysian women on the issue of citizenship.

We directly seek the consent of the Conference of Rulers to set right the injustice that Malaysian women have endured for generations as a result of this discrimination.

We urge Cabinet Ministers to champion the struggles of Malaysian mothers impacted by these gender biased citizenship laws and table the constitutional amendment at the next Parliamentary session.

We call upon all Members of Parliament to be in solidarity with Malaysian mothers and vote in favour of this amendment to finally put an end to this discrimination.

As tax-paying citizens and voters, Malaysian women do not ask for sympathy, but for the Government of Malaysia to do what is morally right and implement the remedy provided by the High Court decision in *Suriani Kempe & Others v Kerajaan Malaysia & Others*. Treat Malaysian women as equal citizens and allow them and their children to live with dignity.

If this Government really cares, sympathy is not enough — implement the remedy provided by the High Court for Malaysian women and their children and make it happen within 100 days of #KeluargaMalaysia!

\*\*\*

For Office Use Only:

Submitted by: Persatuan Kebajikan Sokongan Keluarga Selangor & KL (Association of Family Support & Welfare Selangor & KL) (Family Frontiers)

Contact Details:

1. Melinda Anne Sharlini, Programme Manager — Family Frontiers  
016-556 1430 | melinda@familyfrontiers.org
2. Bina Ramanand, Co-founder & Lead Coordinator — Family Frontiers  
012-216 3597 | bina.r@familyfrontiers.org

## **IBU-IBU MALAYSIA PATAH HATI MENDENGAR PERNYATAAN MENTERI DALAM NEGERI**

Pada 11 Oktober 2021, Menteri Dalam Negeri YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin telah memberi pandangannya mengenai cabaran dan halangan dalam isu kewarganegaraan di sebuah episod 'Inklusif' RTM TV1. Ibu-ibu warga Malaysia yang terjejas dengan undang-undang jantina-kewarganegaraan yang tidak sama rata kecewa dengan kurangnya pemahaman yang ditunjukkan dalam kenyataan Menteri Dalam Negeri semasa wawancara.

### **“DIA PATUT LAHIRKAN ANAK ITU DALAM NEGARA MALAYSIA”**

Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa jika ibu-ibu warganegara Malaysia mengutamakan warganegara Malaysia, mereka patut lahirkan anak mereka di Malaysia.

Pernyataan ini mengabaikan realiti yang dialami ibu-ibu Malaysia yang hamil di luar negara. Terdapat banyak sebab wanita Malaysia melahirkan anak di luar negara. Ramai ibu warganegara Malaysia di rangkaian *Family Frontiers* menghadapi isu-isu kesihatan yang menghalang mereka dari perjalanan balik ke Malaysia, termasuk kehamilan berisiko tinggi, risiko keguguran dan isu kesihatan lain. Kepada mereka, hal ini melibatkan masalah hidup dan mati:

*“Saya telah mencuba sedaya upaya untuk kembali ke Malaysia tetapi disebabkan komplikasi kehamilan, saya tidak dibenarkan untuk terbang pulang oleh dua orang doktor. Terdesak untuk pulang ke rumah, saya telah dijadualkan untuk berjumpa doktor lain untuk pendapat ketiga. Pagi itu, bayi saya dilahirkan secara pramatang dan ditempatkan di ICU selama beberapa minggu. Para wanita tidak patut disuruh untuk membahayakan kami dan bayi kami sekadar untuk menaik pesawat dan terbang kembali ke Malaysia untuk melahirkan anak. Kehamilan kami tidak patut diambil ringan. Menteri Dalam Negeri tersebut haruslah melakukan apa yang betul dan berhenti memerangi ibu-ibu warganegara Malaysia,”* kata Kavita, seorang ibu yang inginkan kewarganegaraan untuk anak perempuannya.

Semasa pandemik COVID-19, beberapa orang ibu terpaksa melahirkan anak di luar negara oleh sebab sekatan perjalanan dan risiko mendapat virus tersebut. *“Bagaimanakah saya harus pulang ke rumah untuk melahirkan bayi saya semasa pandemik tersebut? Saya akan terpisah dari suami saya selama beberapa tahun jika saya buat demikian,”* kata seorang ibu. Terdapat juga ibu yang terpaksa berpisah dari anak-anak bukan warganegara yang lain disebabkan mereka juga dilahirkan di luar negara.

Kebanyakan wanita juga mempunyai komitmen kerja terhadap tanggungjawab mereka untuk berkhidmat untuk Malaysia: *“Saya bekerja di sebuah syarikat berkaitan kerajaan Malaysia di San Francisco pada 2013 hingga 2018 semasa saya melahirkan anak saya di sana. Kehamilan saya berisiko tinggi dan saya dinasihati supaya tidak ke mana semasa trimester ketiga saya. Oleh itu, saya terpaksa melahirkan anak saya di sana. Saya merasa dikhianati oleh komen Menteri Dalam Negeri tersebut—saya berkhidmat untuk negara semasa mengandung tetapi anak saya bukan warganegara Malaysia dan selepas kembali ke Malaysia, saya tidak nampak masa hadapan anak saya,”* kata Gaithiri, seorang lagi ibu Malaysia yang ingin mendapatkan kewarganegaraan Malaysia untuk anak perempuannya.

### **“KEWARGANEGARAAN TIDAK BOLEH DIBERI KEPADA SESIAPA SAJA”**

Dato' Seri Hamzah juga menekankan bahawa kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dari negara, dan oleh itu tidak boleh diberi kepada “sesiapa saja”. Seorang ibu Malaysia dalam rangkaian *Family Frontiers* mengatakan bahawa dia sakit hati mendengar pernyataan tersebut: *“Mereka bukan sesiapa saja, mereka anak kita. Mereka mempunyai keturunan dan darah Malaysia. Mengapakah menghukum anak-anak saya yang tidak bersalah?”* dia bertanya.

Menteri tersebut juga gagal menjelaskan sebab bapa warganegara Malaysia boleh memberi kewarganegaraan kepada anak mereka yang dilahirkan di luar negara secara automatik, tetapi

ibu warganegara Malaysia tidak boleh.

## **HUJAHAN DWI-KERAKYATAN**

Dato' Seri Hamzah mengulangi bahawa dwi-kerakyatan satu sebab wanita Malaysia tidak diberi hak untuk memberi kewarganegaraan secara automatik kepada anak mereka melalui kuat kuasa undang-undang. *Family Frontiers* menekankan sekali lagi bahawa isu dwi-kerakyatan tidak dibangkit untuk lelaki Malaysia sewaktu anak mereka dilahirkan di luar negara. Oleh itu, isu dwi-kerakyatan tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabadikan diskriminasi terhadap wanita.

Anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh wanita Malaysia tidak mempunyai pilihan selain mendapatkan kewarganegaraan bapa asing. Surat Perakuan Cemas juga bukanlah pilihan yang tersedia untuk anak-anak ini untuk segera pulang ke Malaysia (tanpa bergantung kepada pasport asing).

Dalam keadaan ini, ibu-ibu terpaksa membenarkan anak mereka untuk memperoleh kewarganegaraan bapa mereka. Sebaik sahaja hal ini berlaku, ia akan dijadikan sebagai isu ketika anak tersebut memohon kewarganegaraan Malaysia. Sekiranya anak tidak mengambil kewarganegaraan bapa, anak itu berisiko menjadi seorang yang tidak mempunyai kewarganegaraan di negara asing.

Ini adalah keputusan yang lelaki Malaysia tidak perlu buat; sebaliknya, wanita Malaysia dalam keadaan ini tiada jalan keluar. Menteri Dalam Negeri tidak boleh menjadikannya sebagai kesalahan wanita Malaysia dan menghukum anak mereka sedangkan jalan keluar yang disediakan penuh dengan halangan birokrasi yang dikenakan oleh negara sendiri.

## **PENGHINAAN MAHKAMAH DISEBABKAN KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI YANG BERCANGGAH**

Dengan membangkitkan isu "penghinaan mahkamah", Menteri Dalam Negeri menegaskan penghakiman yang dikatakan "bertentangan" dengan kes *Suriani Kempe & Lain-lain v Kerajaan Malaysia & Lain-lain*, iaitu kes *Mahisha Suhaila Abdul Majeed v Pengarah Jabatan pendaftaran Negara (JPN)*. Sebagai penjelasan, kes ini tidak menyentuh isu pengharmonian Perkara 8(2) dan Jadual Kedua, Bahagian II Perlembagaan, seperti yang dilihat dalam kes *Suriani Kempe dan Lain-lain*. Oleh itu, Jabatan Peguam Negara tidak menghujah mengenai kes tersebut di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi semasa perbicaraan kes *Suriani Kempe & Lain-lain*.

Walaupun penghakiman untuk kes *Mahisha* bertentangan dengan kes *Suriani Kempe & Lain-lain, Lawyers for Liberty*, dalam kenyataan mereka pada 23 September 2021 menyakinkan bahawa kerajaan tidak dihalang untuk mengikut keputusan Mahkamah Tinggi terkini walaupun terdapat keputusan yang bertentangan sebelum itu. Kerajaan boleh sahaja mengakui kepada rayuan di Mahkamah Rayuan pada November. Isu melanggar keputusan mahkamah tidak pun timbul.

Keputusan Mahkamah Tinggi sudah pun sesuai dengan cadangan pindaan tersebut dan mempunyai kuasa undang-undang. Kerajaan sepatutnya melaksanakan keputusan tersebut tanpa membuat rayuan, sepertimana yang dilakukan dalam kes Undi18.

## **MENEGAKKAN PERLEMBAGAAN**

Menteri Dalam Negeri memberi alasan merayu keputusan Mahkamah Tinggi tersebut dengan menegaskan bahawa dia telah bersumpah untuk menegakkan Perlembagaan. *Family Frontiers* menyatakan bahawa untuk benar-benar menegakkan Perlembagaan, kita harus beranggap Perlembagaan bukan sebagai dokumen yang mengandungi peraturan-peraturan semata-mata yang tidak boleh diubah, tetapi satu dokumen yang mencerminkan realiti hidup rakyat Malaysia pada abad ke-21. Sebenarnya, hanya wanita dan anak-anak mereka yang dilukai oleh peruntukan

kewarganegaraan dalam Perlembagaan sepertimana yang ditafsirkan dan diterapkan sekarang. Apabila dibaca secara literal, tafsiran ini dengan jelas mengabaikan hak wanita untuk mendapatkan layanan yang sama tanpa mengambil kira jantina dan melumpuhkan jaminan Perkara 8(2) Perlembagaan untuk tidak mendiskriminasi berdasarkan jantina.

Kes *Suriani Kempe & Lain-lain* memohon supaya Perlembagaan—secara terperinci Perkara 14(1)(b) dibaca bersama Seksyen 1(b) Bahagian II, Jadual Kedua—dibaca secara harmoni dengan Perkara 8(2) Perlembagaan. Sepertimana yang sering ditekan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Shad Saleem Faruqi, peruntukan-peruntukan di bawah Perlembagaan tidak patut dibaca secara berasingan tetapi secara holistik dan mengambil kira cita-cita dan andaian Perlembagaan yang tinggi. Pendekatan ini amat relevan dalam perkara ini kerana hal ini melibatkan penegakkan keadilan.

## **PERSOALAN KESETIAAN**

Menteri Dalam Negeri mengatakan bahawa “yang paling utama kepada kita adalah kesetiaan kepada negara. Kalau kita loyal kepada negara kita, pasti kita mahukan kerakyatan negara kita sendiri.”

Kerajaan Malaysia mempunyai kewajipan untuk menegakkan hak warga negaranya. Kesetiaan dan keterikatan mereka kepada Malaysia ditunjukkan dengan mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia anak-anak mereka dan dengan kembali ke tanah air mereka.

Setelah mendengar pernyataan Menteri Dalam Negeri pada 11 Oktober, seorang ibu mengatakan bahawa dia patah hati: “Jangan mempersoalkan kesetiaan wanita yang telah melahirkan anak-anak kami di luar negara—kami tidak kurang patriotik terhadap negara kita. Kami sangat menginginkan ini supaya kami dapat menyumbang ke arah tanah air kami dan bukan mengambil daripadanya. Kesetiaan kami kepada Malaysia tidak berbelah bagi.” Kata Rekha Sen, seorang ibu yang terkesan.

## **PANGGILAN BERTINDAK**

Sudah tiba masanya Kerajaan mengakui realiti zaman kita dan bahawa terdapat diskriminasi serius terhadap wanita Malaysia dalam isu kewarganegaraan.

Kami secara langsung meminta persetujuan daripada Majlis Raja-Raja untuk membetulkan ketidakadilan yang dialami oleh wanita Malaysia selama beberapa generasi akibat diskriminasi ini.

Kami mendesak Menteri-menteri Kabinet untuk menyerlahkan perjuangan ibu-ibu Malaysia yang dipengaruhi oleh undang-undang kewarganegaraan yang berat sebelah dan mengemukakan pindaan Perlembagaan pada sesi Parlimen berikutnya.

Kami menyeru semua Ahli Parlimen untuk berganding bahu dengan ibu-ibu Malaysia dan memilih untuk menyokong pindaan tersebut untuk akhirnya menghentikan diskriminasi ini.

Sebagai warganegara dan pengundi yang membayar cukai, wanita Malaysia tidak meminta simpati, tetapi untuk Kerajaan Malaysia melakukan perkara yang bermoral dan melaksanakan remedi yang telah disediakan oleh penghakiman Mahkamah Tinggi dalam kes *Suriani Kempe & Lain-lain*. Layanlah wanita Malaysia sebagai warganegara yang setaraf dengan warganegara lain dan berilah peluang kepada mereka dan anak-anak mereka untuk hidup secara bermaruah.

Sekiranya Kerajaan ini benar-benar peduli, rasa simpati tidak mencukupi - laksanakan remedi yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi untuk wanita Malaysia dan anak-anak mereka dan realisasikannya dalam 100 hari pertama #KeluargaMalaysia!

\*\*\*

Untuk Kegunaan Pejabat sahaja:

Dikemukakan oleh: Persatuan Kebajikan Sokongan Keluarga Selangor & KL (*Association of Family Support & Welfare Selangor & KL (Family Frontiers)*)

Maklumat Hubungan:

3. Melinda Anne Sharlini, *Programme Manager* — Family Frontiers  
016-556 1430 | melinda@familyfrontiers.org
4. Bina Ramanand, *Co-founder & Lead Coordinator* — Family Frontiers  
012-216 3597 | bina.r@familyfrontiers.org